



MALAYSIAN INSTITUTE
OF ACCOUNTANTS

PROUD HOST:



Ruj. Kami: PD/MIAC2023/JANM/naz

12 Januari 2023

YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa
Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
Aras 1-8 Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Precinct 2,
62594 Putrajaya



Dear YBhg. Datuk Dr Yacob

PERSIDANGAN AKAUNTAN ANTARABANGSA MIA (MIA CONFERENCE) 2023

Sukacita dimaklumkan bahawa Malaysian Institute of Accountants (MIA) akan menganjurkan Persidangan Akauntan Antarabangsa MIA (MIA Conference) 2023 seperti berikut:

Tarikh : 13 & 14 June 2023
Tempat : Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KL Convention Centre)

Bertemakan '*Future Fit Profession – Charting A Better Tomorrow*', persidangan ini akan membincangkan peranan penting yang digalas para profesional didalam bidang perakaunan untuk sentiasa kekal relevan dan kalis masa depan untuk mengemudi pelbagai cabaran dalam persekitaran global yang kompleks. Profesional akauntan perlu menggunakan kepakaran mereka dalam bidang kewangan dan bukan kewangan untuk merangsang kebingkasan terhadap ketidaktentuan global yang berlarutan dan persediaan menghadapi cabaran yang getir. Profesional akauntan juga perlu mendukung kod etika profesion untuk memperjuangkan kebertanggungjawaban, integriti dan amanah untuk tadbir urus dan tata kelola yang baik dan pembaharuan positif demi kepentingan awam.

Menampilkan penceramah dari dalam dan luar negara, MIA Conference 2023 akan menghubungkan perkara-perkara penting ini bagi mewujudkan ruang inspirasi untuk wacana dan pengetahuan, dipadankan khusus untuk profesional didalam bidang perakaunan kalis masa depan agar bersedia untuk melakar hari esok yang lebih baik.

MIA selaku tuan rumah dengan sukacitanya menjemput pegawai-pegawai dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) untuk mendaftar dan menjadi sebahagian daripada lebih 3,000 peserta yang dijangka bakal menghadiri MIA Conference 2023 pada bulan Jun ini.

Sehubungan dengan itu, kami ingin menawarkan pakej istimewa khusus untuk peserta daripada JANM seperti berikut:

- i. Yuran penyertaan : **RM1,650/ peserta**
(secara fizikal) (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Enam Ratus Lima Puluh Sahaja)
(pakej biasa ialah RM2,450/peserta)

- ii. Yuran penyertaan : **RM1,400/peserta**
(secara maya) (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Empat Ratus Sahaja)
(pakej biasa ialah RM1,550/peserta)
- iii. Tarikh luput : Sah sehingga tarikh persidangan
- iv. Jam Kredit : 18 (peserta secara fizikal), 14 (peserta secara maya)

Kami juga amat berbesar hati sekiranya YBhg. Datuk dapat memaklumkan mengenai tawaran ini kepada seluruh akauntan yang sedang berkhidmat di kementerian-kementerian, jabatan kerajaan, agensi-agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan para akauntan yang berkhidmat di bawah seliaan JANM agar mereka dapat turut serta dalam MIA Conference 2023.

Selain itu, kami juga ingin memohon sokongan dari JANM seperti berikut:

- Memberi kebenaran kepada MIA untuk menggunakan logo JANM pada risalah-risalah MIA Conference 2023 yang mana JANM dipaparkan sebagai "**Rakan Penyokong (Supporting Partner)**" dalam persidangan ini; DAN
- Memaparkan e-banner berserta pautan MIA Conference 2023 di laman sesawang JANM untuk memudahkan kakitangan JANM mendapatkan maklumat terkini tentang MIA Conference 2023.

Kami amat menghargai sekiranya pihak JANM dapat memberi maklumbalas terhadap perkara di atas selewat-lewatnya sebelum **31 Januari 2023**.

Bersama ini disertakan risalah pengenalan MIA Conference 2023 untuk perhatian YBhg. Datuk. Jika ada sebarang pertanyaan berkaitan persidangan ini, sila hubungi:

Nama Pegawai

Ms Nadiyah Namlur

Ms Azlina Ahmad

Pn Noor Azlina Abu Bakar

Talian

+603 2722 9171

+603 2722 9112

+603 2722 9164

Emel

nadiyah@mia.org.my

azlina@mia.org.my

noorazlina@mia.org.my

Kerjasama pihak YBhg. Datuk amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang Benar
MALYSIAN INSTITUTE OF ACCOUNTANTS



Dr Wan Ahmad Rudirman Bin Wan Razak
Ketua Pegawai Eksekutif

Jabatan Akauntan Negara Malaysia PENGARAH			
Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan			
TP SKPSM	TP SPKP	TP SPPS	
KPPK SKPSM 1	KPPK SPKP	KPPK SPPS	
KPPK SKPSM 2	KPP SPKP	KPP SPPS 1	
KPP SKPSM		KPP SPPS 2	
PA PBPPP			
CATATAN:			